




Title of the Product/Project

INDIKATOR KEEFEKTIFAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM PENGAJARAN KURIKULUM BERSEPADU DINI (KBD) *INDICATOR FOR BBM EFFECTIVE USE IN TEACHING (iBEUT)*



PRODUCT
ID:34

NORAIZAN BINTI MOHSIN

SYUHaida IDHA BT ABD RAHIM

MOHD FAIZ BIN MOHD BAHARAN

PROF MADYA MOHD NOR BIN MAMAT

ABSTRACT

Guru Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) di sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) perlu lebih proaktif dan menguasai kemahiran menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) serta teknologi maklumat dan komunikasi sebagai pemangkin ke arah suasana pembelajaran yang menarik dan memberi kesan. *Indicator for BBM Effective Use in Teaching Dini* atau singkatannya iBEUT merupakan satu indikator yang dibina untuk mengukur dan menilai penggunaan BBM guru KBD terhadap pengajaran KBD. iBEUT dibangunkan dengan menerapkan dua elemen utama iaitu penggunaan BBM dan pengajaran guru. iBEUT didasari oleh Model Kualiti Guru Cemerlang Pendidikan Islam Kamarul Azmi Jasmi (2010), Model Pendidikan Rasulullah saw serta Teori Pendidikan Ibnu Khaldun. Pembangunan iBEUT telah disahkan oleh 3 orang pakar utama iaitu Dr. Kamarul Azmi Jasmi, Prof. Madya Kamarulzaman bin Abd Ghani serta Dr. Rosnani binti Kaman dengan nilai kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.819. Kajian yang dijalankan ke atas 265 orang guru Dini di Selangor mendapati penggunaan BBM guru Dini terhadap pengajaran adalah pada nilai min 3.1019, SD 0.87093. Sehubungan itu, instrumen ini menjadi salah satu indikator dalam mewujudkan kualiti penggunaan BBM yang efektif dan berkesan dalam pengajaran guru KBD di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

INTRODUCTION

Guru KBD menghadapi cabaran dalam menyampaikan pengajaran apabila keperluan pengajaran abad ke-21 memerlukan bahan pengajaran yang interaktif dan mempunyai unsur teknologi maklumat seiring dengan keperluan dan kecenderungan murid terhadap elemen elektronik dan internet. Sedangkan guru KBD dilihat belum bersedia mengaplikasikan elemen teknologi maklumat dalam pengajaran (BPI, KPM 2017). Justeru bagi mengukur tahap penggunaan guru menggunakan BBM dalam pengajaran KBD, satu indikator keefektifan bahan bantu mengajar dalam pengajaran Kurikulum Bersepadu Dini (iBEUT) dibina untuk mengukur dan menilai penggunaan BBM guru. Indikator ini juga dapat menilai kecenderungan guru menggunakan BBM sebagai faktor keberkesanan pembelajaran murid. Satu usaha perlu dijalankan bagi menilai pengajaran guru KBD berikutan kurikulum menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar berbeza dengan kurikulum sedia ada dalam pendidikan sekolah menengah agama di Malaysia.


PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF



iBEUT merupakan satu indikator yang dibina untuk mengukur dan menilai amalan penggunaan BBM guru KBD terhadap amalan pengajaran guru di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

iBEUT dibangunkan dengan menerapkan dua konstruk utama iaitu penggunaan BBM dan pengajaran guru.

METHODOLOGY



SHARIAH COMPLIANCES

Indikator ini digunakan dalam menilai keberkesanan penggunaan bahan bantu mengajar bagi pengajaran agama dalam bahasa Arab. Item-item yang disenaraikan adalah bersesuaian dengan keperluan mata pelajaran agama seperti bahan maujud dalam pembelajaran Fiqh, video dan CD bacaan al-Quran, video dan tayangan yang patuh syara', bahan bukan elektronik seperti carta, bahan bertulis, buku kerja, papan tulis dan peralatan yang bersesuaian dengan pembelajaran agama. Selain itu bahan-bahan digital yang digunakan dengan mengambilkira Pendidikan abad ke-21 yang menepati kehendak hukum dan keperluan pembelajaran. iBEUT mampu menjelaskan hubungkait bahan yang digunakan dengan amalan pengajaran yang sesuai bagi mata pelajaran *Usuluddin, al-Syariah dan al-Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah*.

"LEADING INNOVATION"

SIGNIFICANCES

Instrumen penilaian keefektifan BBM ini juga boleh dijadikan sebagai sumber rujukan pengkaji dan institusi pendidikan agama dalam membantu perancangan strategi pengajaran kurikulum agama yang di ajar dalam bahasa Arab yang lebih berkesan. Instrumen penilaian iBEUT ini boleh dijadikan sebagai panduan pentadbir sekolah bagi melihat sejauh manakah hasil pengajaran guru telah tercapai dengan optimum bersesuaian dengan bahan bantu yang digunakan dalam pembelajaran tersebut.



NOVELTY/ ORIGINALITY

	Panel Penyemak /Pakar rujuk	Jawatan/Institusi	Kepakaran
1	Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi	Akademi Pengajian Islam, UTM Skudai, Johor	Pedagogi Pendidikan Islam
2	Dr. Kamarulzaman bin Abdul Ghani	Fakulti Pengajian Bahasa dan Sains Sosial, UMK, Kelantan	Pedagogi Pendidikan Islam dan Bahasa Arab/KBD
3	Dr. Rosnani binti Kaman	Ketua Penyelidik Unit Penyelidikan, Institut Aminudin Baki, KPM Genting Highlands, Pahang	Metodologi penyelidikan Pendidikan/Kepimpinan Pendidikan

Ujian KMO dan Bartlett's Test			Reliability Statistics		
Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy.			Rumusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen Soal selidik		
Bartlett's Test of Sphericity	Approx. Chi-Square	5509.381	Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
	df	946			
	Sig.	.000			
			.917	.914	44

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

Noraizan Mohsin, & Syuhaida Idha Abd Rahim. (2019). Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) Dalam Pengajaran Guru Dini di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Selangor. dlm Amalan Terbaik Dalam Penambahbaikan Sistem Pendidikan: Pengajaran dan Penyelidikan. (Vol. 1, pp. 114–124). e-ISBN 978-967-17400-3-3

Noraizan Mohsin, & Syuhaida Idha Abd Rahim. (2020). Amalan Pengajaran Guru Dini Dalam Bilik Darjah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Selangor. In *Seminar Kebangsaan Penyelidikan Dini dan Tahfiz Tahun 2020* (Vol. 21, pp. 1–14). Bahagian Pendidikan Islam, KPM.